

# Majlis Presiden PH bincang esok

Mesyuarat medan terbaik Dr Mahathir beri penjelasan: Anwar

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) akan membincangkan pelawaan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya semua parti politik Melayu, termasuk UMNO, menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), esok.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata mesyuarat berkenaan medan terbaik bagi pemimpin tertinggi membincangkan kenyataan terbaru Dr Mahathir yang juga Penggerusi BERSATU.

"Kita akan adakan Mesyuarat Majlis Presiden ( Isnin ini) dan sudah tentu ia adalah ruang terbaik bagi membincangkan pelbagai isu, termasuk cadangan terbaru dibuat Perdana Menteri.

"Dan, perkara ini tentu akan digunakan (Tun Dr Mahathir) untuk memberikan penjelasan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis pelancaran Tabung Endowmen Universiti Melayu (UMEF) di sini malam tadi.

Anwar berkata demikian ketika mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang dipetik sebagai perkata semua parti politik Melayu termasuk UMNO dipelawa untuk menyertai BERSATU bagi menyuatkan kuasa politik Melayu.

Dr Mahathir juga menggesa semua pihak supaya tidak menyekat keinginan individu yang mahu menyertai BERSATU.

Kenyataan Dr Mahathir berke-

naan mendapat pelbagai reaksi daripada pemimpin gabungan PH lain, termasuk DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH) serta kepimpinan UMNO.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata beliau berharap kerajaan tidak akan melepaskan tanggungjawab untuk menyalurkan dana mencukupi kepada universiti awam (UA) terutama membantu pelajar miskin, biarpun mereka mempunyai tabung endowment atau wakaf sendiri.

"Saya tegaskan tanggungjawab kerajaan mesti diteruskan, biarpun ada dana endowment atau wakaf. Mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab bukan hanya untuk membantu pelajar miskin, malah bidang penyelidikan dan teknologi baharu.


"Kerajaan bertanggungjawab untuk pastikan universiti dapat pembiayaan secukupnya. Kita juga perlu gubal dasar supaya alumni universiti yang berjaya sebagai industrialis, ahli perniagaan dan pengurus berjaya dapat kembali berbakti kepada UA berkenaan.

"Kita berharap pelancaran UMEF membolehkan mereka menyumbang semula dana kepada universiti, walaupun jumlahnya kecil kerana UM sekarang mempunyai kira-kira 200,000 alumni," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata tabung itu mampu mencapai sasaran RM200 juta dalam tempoh setahun jika setiap alumninya menyumbangkan RM10 sebulan secara konsisten.

Katanya, beliau yakin tabung endowmen atau wakaf berkenaan mampu mencapai sasaran terbaik kerana jumlah alumni UM kini mencecah lebih 190,000 orang.

"Sekiranya setiap alumni memberi derma RM10 sebulan, dana yang dapat dikumpul boleh mencecah RM19 juta sebulan dan bayangan untuk tempoh setahun



## Majlis Pelancaran UNIVERSITI MALAYA ENDOWMENT FUND (UMEF)



**Mohd Cairul Iqbal menyempurnakan perasmian UMEF sambil diperhatikan Mohd Azman Shariffadeen, Noordin dan Datuk Ahmad Nazri Abdullah, di Kuala Lumpur, malam tadi.**

[FOTO Hafiz Sohaimi / BH]

universiti mampu mengumpul sebanyak RM228 juta.

"Mungkin pengiraan ini nampak terlalu mudah seperti angan-angan tetapi bak kata pepatah Melayu, manakan dapat salgunya jika tidak dipecahkan ruang dan berdikit-dikit lama-lama jadi bukit. Yang penting, usaha gigih menjana pendapatan menerusi endowmen ini perlu digiatkan segera," katanya dalam teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pendidikan Tinggi, Prof Dr Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin.

Yang turut hadir, Penggerusi Lembaga Pengarah UM, Datuk Dr Mohd Azman Shariffadeen Tengku Ibrahim dan Presiden Persa-

tuan Alumni UM, Datuk Noordin Abd Razak.

Maszlee berkata, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperoleh penjanaan endowmen keseluruhan berjumlah RM87 juta membabitkan tabung endowmen universiti dan fakulti sejak ditubuhkan pada 2009.

Katanya, begitu juga bagi 13 universiti awam lain yang melaksanakan kutipan dan pembangunan wakaf di institusi masing-masing, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang berjaya menghasilkan kutipan mencecah lebih

RM25.7 juta, meskipun aktiviti wakaf UA baru diperkenalkan pada 2016.

"Walaupun pencapaian tabung endowmen, mahupun dilihat masih rendah berikutan kurangnya kesedaran budaya memberi, selain ekosistem kurang kondusif dan isu insentif cukai, namun saya amat yakin bahawa endowmen dan wakaf mempunyai potensi yang amat besar di Malaysia.

"Bagi tujuan itu, universiti perlu meneguhkan hubungan alumni dengan alma mater. Namun, cabaran utama melonjakkan peranan dan sumbangan alumni untuk mencari dan mengumpulkan mereka agar terus kekal 'dekat' bersama alma mater mereka," katanya.